



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**7 SEPTEMBER 2022 (RABU)**



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**7 SEPTEMBER 2022 (RABU)**



OLEH WAI TEE  
Penulis Bebas

Bercampur-baur perasaan apabila meneliti hantaran Menteri Kewangan Malaysia (MOF) dalam media sosial berkenaan jumlah subsidi yang dikeluarkan kerajaan bagi tahun 2022.

RM77.7 billion bukan kecil malah hampir satu pertiga daripada Belanjawan 2022 yang asal dan ini tidak termasuk 'supplementary budget'. Jika dibandingkan dengan peruntukan untuk pembangunan pula, tentunya kita akan insaf akan masa depan negara.

Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur atas keprihatinan kerajaan menyediakan satu peruntukan yang cukup besar untuk subsidi. Polisi fiskal kerajaan ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan tekanan hidup rakyat. Tanpa subsidi, sudah tentu kadar inflasi negara akan mencancak seperti Amerika dan Eropah sekitar 9 hingga 11 peratus.

Malah, kalau tidak kerana intervensi kerajaan menetapkan harga siling ayam, sudah pasti ayam dijual antara RM11 hingga RM13 sekilogram. Harga siling hanya boleh dilaksanakan melalui subsidi yang bernilai RM700 juta yang disalurkan kepada penternak ayam dan telur sehingga 31 Julai 2022.

Keadanannya memaksa, disebabkan 'cost push factor', hampir semua harga input kepada pemprosesan naik. Tiga faktor yang menyebabkan kenaikan iaitu kekurangan bekalan, meningkatnya permintaan dan wujudnya persaingan di mana ada negara yang sanggup membayar lebih untuk mendapatkan bekalan.

Negara kita pengeluar ayam dan, biasanya pengeluaran berlebihan sehingga 15-20 peratus membolehkan ayam hidup dieksport ke Singapura. Namun, benih ayam mahupun input ayam seperti jagung dan soya semuanya diimport menyebabkan kos pengeluaran turut meningkat.

#### Penyelewengan

Sebanyak 41.7 peratus daripada keseluruhan subsidi atau RM32.4 billion dibelanjakan untuk petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Kitak maklum petrol dan diesel adalah 'enjin' kepada ekonomi. Jika kos ini naik, maka kos pengeluaran dan kos dipahak pengguna turut naik.

Semua suka subsidi. Siapa yang tidak suka? Lumrahlah bila harga RON97 meningkat, ramai yang beralih



ke pada petrol bersubsidi RON95. Mengikut data, penggunaan petrol di Malaysia adalah 14.4 billion setahun dan 13 juta liter adalah RON95.

Perbezaan antara RON95 tanpa subsidi dengan RON97 ialah 20 sen seliter. Bermakna kerajaan subsidi RM2.05 untuk setiap liter RON95 atau RM26 billion setahun. Ini bukan untuk golongan B40 yang bermotosikal atau M40 yang bawa Proton Saga, tetapi M40 yang guna Honda HRV serta T20 yang naik Mercedes.

Jika dibandingkan harga RON95 dan LPG di negara jiran seperti Indonesia, kita akan sedar betapa harga komoditi tersebut jauh lebih murah di negara kita.

Satu lagi subsidi bersifat pukal iaitu minyak masak tulen paket 1 kilogram (*Cooking Oil Stabilisation Scheme - COSS*) dan minyak masak tulen botol yang pernah disubsidi melibatkan RM3 billion daripada keseluruhan subsidi. CPO di pasaran dunia yang melonjak kepada RM7,000 setan metrik menyebabkan subsidi yang ditanggung kerajaan melonjak.

Tidak masuk akal minyak yang sepatutnya dijual pada harga RM7.00 setiap kilogram dijual pada harga RM2.50, RM3.50 subsidi setiap kilogram. Kerajaan menyediakan 60 juta kilogram sebulan atau 720 juta kilogram setiap tahun. Mustahil tidak mencukupi jika tiada ketirisan atau memang semua rakyat Malaysia sudah beralih kepada minyak masak bersubsidi 1kg?

Masih ingat apabila kerajaan tarik balik subsidi minyak botol? Harga dari RM34.70 melonjak menjadi RM42 untuk botol 5kg. Akibat jurang perbezaan ketara antara harga bersubsidi dengan



harga tidak bersubsidi, membuka ruang kepada pengkhianat negara melakukan penyelewengan demi penyelewangan. Keputusan telah dibuat, kerajaan terpaksa menanggung reaksi rakyat ketika itu.

#### Manfaat untuk semua

Kerajaan telah beberapa kali menolak cadangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menaikkan tarif elektrik domestik. Subsidi elektrik mudah untuk dibuat bersasar. Apakah kerajaan masih dapat bertahan atau kita sebagai pengguna harus bersiap-sedia terhadap realiti yang bakal tiba.

Subsidi keperluan lain-lain yang berjumlah RM1.5 billion juga bersifat bersasar lebih kepada subsidi kos pengangkutan dan kos pelabuhan untuk membawa barang-barang keperluan seperti beras, tepung, gula; minyak masak, LPG, RON95 dan diesel dari Semenanjung ke Labuan dan pedalaman Sabah serta Sarawak, di bawah Program Penyeragaman Harga dan *Community Drumming*.

Topografi yang berbeza dan jarak yang luas menyebabkan harga kepada pengguna akan meningkat jika kerajaan tidak membiayai kos pengangkutan.

Selebihnya iaitu RM25.7 billion adalah subsidi dalam bentuk bantuan-bantuan lain meliputi bantuan tunai, pendidikan, pengangkutan dan pertanian. Dan subsidi ini juga bersifat bersasar. Satu keperluan mendejak.

Kerajaan harus cepat dan kreatif mencari jalan mengurangkan kos subsidi pukal sama ada mengurangkan jumlah aman subsidi seperti subsidi minyak masak tulen botol dan ayam sekarang

“

Akibat jurang perbezaan ketara antara harga bersubsidi dengan harga tidak bersubsidi, membuka ruang kepada pengkhianat negara melakukan penyelewangan demi penyelewangan.”

ini atau mencari mekanisme lain.

Kerajaan pastinya mencari jalan bagaimana subsidi itu dapat disalurkan untuk pembangunan yang menguntungkan rakyat pada jangka pertengahan dan panjang seperti pembinaan infrastruktur terutama di luar bandar. Objektif ini tidak akan tercapai tanpa kolaborasi semua pihak termasuk pengeluar, peniaga dan pengguna.

Kerajaan telah memainkan peranan bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Kerajaan tidak boleh terus memberi tongkat subsidi. Terlalu banyak subsidi akan menjadi toksik dan rakyat akan hilang daya-juang dan agiliti dalam hidup. Kini, terserah kepada rakyat untuk sama-sama membina negara dan masa depan yang lebih progresif dan berdaya maju.

Di era pasca pandemik yang serba mencabar, negara memerlukan rakyatnya bersatu hati, memiliki paradigma dunia kelas pertama dan yang terpenting tidak bermentaliti subsidi. Bersediakah kita?

HARI : RABU  
TARIKH : 7/09/2022  
M/SURAT : 5



SEBUAH tempat penyimpanan diesel bersubsidi di Jalan Belati, Taman Perindustrian Maju Jaya yang diserbu polis.

## Diesel bersubsidi RM105,800 dirampas

**Johor Bahru:** Polis menyerbu sebuah tempat penyimpanan diesel bersubsidi di Jalan Belati, Taman Perindustrian Maju Jaya, Kempas di sini, dan merampas bahan api itu bernilai RM105,800, kelmarin.

Serbuan pada jam 11.30 pagi itu dibuat susulan penahanan dua lelaki tempatan di dua lokasi bersinggan, sebelum tiga lelaki warga asing turut ditahan di tempat penyimpanan diesel bersubsidi berkenaan.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, terdahulu pihaknya menahan seorang lelaki berusia 42 tahun di sebuah stesen minyak di Jalan Harimau, Taman Abad di sini, jam 2 pagi kelmarin.

"Berikutnya itu, sebuah lori bernilai RM36,200 bersama muatan 46,000 liter minyak diesel bersubsidi bernilai RM105,800 ketika serbuan pertama, sebelum seorang lagi lelaki berusia

29 tahun ditahan di Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di sini, jam 2.30 pagi.

"Dalam serbuan kedua, kita merampas wang tunai bernilai RM17,722 dipercaiayi digunakan untuk melakukan transaksi pembelian diesel bersubsidi di sekitar daerah ini," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, hasil semakan rekod lampau mendapati kedua-dua suspek itu pernah ditahan atas ke-

salahan mengikut Akta Daud Berbahaya 1952.

Katanya, tempat penyimpanan diesel bersubsidi itu kemudiannya diserbu dan polis menahan tiga lelaki warga asing berusia antara 26 hingga 34 tahun.

"Kita juga merampas satu resit jual beli transaksi yang terbabit," katanya.

Menurut beliau, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



Polis Johor merampas 1,029 kotak berisi rokok pelbagai jenis yang tidak bercukai bernilai lebih RM7.7 juta dalam serbuan di sebuah tempat penyimpanan rokok, semalam.  
(Foto Ihsan POLIS)

## 1,029 kotak berisi rokok tidak bercukai bernilai RM7.7j disita

**Johor Bahru:** Polis menyita 1,029 kotak berisi rokok pelbagai jenis tidak bercukai bernilai lebih RM7.7 juta dalam serbuan ke atas premis di Taman Perindustrian Maju Jaya, Kempas itu dibuat jam 12.30 tengah hari, sejam selepas serbuan di premis simpanan minyak diesel bersubsidi di kawasan sama.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamalul Zaman Mamat, berkata serbuan ke atas premis di Taman Perindustrian Maju Jaya, Kempas itu dibuat jam 12.30 tengah hari, sejam selepas serbuan di premis simpanan minyak diesel bersubsidi di kawasan sama.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d)

Akta Kastam 1967.

Terdahulu, polis menyerbu sebuah tempat penyimpanan minyak diesel, susulan penahanan dua lelaki tempatan di dua lokasi berasingan, sebelum tiga lelaki warga asing turut ditahan di tempat penyimpanan diesel.

"Dalam tiga serbuan diesel bersubsidi, polis merampas sebuah lori bernilai RM36,200 bersama muatan 46,000 liter minyak diesel bersubsidi bernilai RM105,800 dan merampas wang tunai bernilai RM17,722," katanya.



SEBAHAGIAN kotak berisi rokok pelbagai jenis tidak bercukai yang dirampas dalam serbuan semalam.

# Sita rokok RM7.7 juta

*Rampasan selepas sejam serbuan premis simpan diesel bersubsidi*

Oleh Izz Laily Hussein  
am@hmetro.com.my

## Johor Bahru

**S**ebanyak 1,029 kotak berisi rokok pelbagai jenis yang tidak bercukai bernilai lebih RM7.7 juta dirampas polis dalam serbuan di sebuah premis di Jalan Belati, Taman Perindustrian Maju Jaya, Kempas di sini, kelmarin.

Serbuan pada jam 12.30 tengah hari itu dibuat selepas satu jam polis menyerbu sebuah premis penyimpanan diesel bersubsidi di jalan

yang sama.

Ketua Polis Johor Datuk Kamalul Zaman Mamat berkata, dalam serbuan itu, pihaknya berjaya merampas 347 kotak rokok jenama Redwood warna merah dan hijau, 514 kotak rokok jenama Boston warna biru, ungu dan merah serta 168 rokok Pragon warna merah dan biru.

"Semua 1,029 kotak rokok itu bernilai RM7,717,500 termasuk cukai," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 SEPTEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Sep	KPN TERIMA KUNJUNGAN HOR-MAT KSU KPDNHEP	<a href="https://m.facebook.com/story.php?sto_ry_fbid=pfbid0GvpSGjPXZBnwdH6F5ehrrhL83a7nSUsNNWVHrj8gjDk61ndQNNuZ42Nv2xVBkAFl&amp;id=100064506887551">https://m.facebook.com/story.php?sto_ry_fbid=pfbid0GvpSGjPXZBnwdH6F5ehrrhL83a7nSUsNNWVHrj8gjDk61ndQNNuZ42Nv2xVBkAFl&amp;id=100064506887551</a>	FB
7-Sep	Cubaan seludup diesel tanpa permit berjumlah RM80,000 digagalkan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/cubaan-seludup-diesel-tanpa-permit-berjumlah-rm80000-digagalkan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/cubaan-seludup-diesel-tanpa-permit-berjumlah-rm80000-digagalkan/</a>	UM
7-Sep	Tangani bersama manipulasi harga ayam	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/220006">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/220006</a>	SH
7-Sep	POLIS RAMPAS ROKOK SELUDUP BERNILAI KIRA-KIRA RM7.7 JUTA TERMASUK CUKAI	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2117953">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2117953</a>	BERNAMA
7-Sep	Polis Johor rampas rokok seludup bernilai RM7.7 juta	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/09/06/polis-johor-rampas-rokok-seludup-bernilai-rm7-7-juta/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/09/06/polis-johor-rampas-rokok-seludup-bernilai-rm7-7-juta/</a>	FMT
7-Sep	Polis rampas rokok seludup bernilai kira-kira RM7.7 juta termasuk cukai	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/polis-rampas-rokok-seludup-bernilai-kira-kira-rm77-juta-termasuk-cukai-DK9783566">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/polis-rampas-rokok-seludup-bernilai-kira-kira-rm77-juta-termasuk-cukai-DK9783566</a>	THESUNDAILY
7-Sep	MENGURANGKAN MENTALITI SUBSIDI	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/220179/berita/nasional/bersediakah-kita-mengurangkan-mentaliti-subsidi">https://www.sinarharian.com.my/article/220179/berita/nasional/bersediakah-kita-mengurangkan-mentaliti-subsidi</a>	SH
7-Sep	MENGURANGKAN MENTALITI SUBSIDI	<a href="https://m.facebook.com/story.php?sto_ry_fbid=pfbid0dbc0KR7cGdw97c7rW6HWkZFks1qqVu2F7xZRR3ijpvW5v8dT3yQxVykY8eLpSGhpl&amp;id=87363369882">https://m.facebook.com/story.php?sto_ry_fbid=pfbid0dbc0KR7cGdw97c7rW6HWkZFks1qqVu2F7xZRR3ijpvW5v8dT3yQxVykY8eLpSGhpl&amp;id=87363369882</a>	FB

7-Sep	MENGURANGKAN MENTALITI SUBSIDI	<a href="https://twitter.com/SinarOnline/status/1567330663690543105">https://twitter.com/ SinarOnline/ status/1567330663690543105</a>	TWITTER
7-Sep	MENGURANGKAN MENTALITI SUBSIDI	<a href="https://instagram.com/stories/sinarhari-an/2921718196665074131?utm_source=ig_story_item_share&amp;igshid=MDJmNzVkJY=">https://instagram.com/stories/ sinarhari- an/2921718196665074131? utm_source=ig_story_item_sha re&amp;igshid=MDJmNzVkJY=</a>	IG
7-Sep	Protests in Indonesia as anger grows over fuel price hike	<a href="https://www.aljazeera.com/news/2022/9/6/protests-in-indonesia-as-anger-grows-over-fuel-price-hike">https://www.aljazeera.com/ news/2022/9/6/protests-in- indonesia-as-anger-grows-over- -fuel-price-hike</a>	ALJAZEERA
7-Sep	MACAM MANA INFLASI DIKIRA?	<a href="https://fb.watch/fnDVS50MUO/">https://fb.watch/ fnDVS50MUO/</a>	FB